

TIONG JAMBUL EMAS
Golden-crested Myna

FAMILI: Sturnidae
NAMA SAINTIFIK: *Ampeliceps coronatus*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bulu yang berwarna hitam berkilat manakala bahagian mahkota kepala, jalur di antara bahagian paruh dan bahagian mata, pipi, rengkong dan tompokan pada bahagian bawah primer sayap berwarna kuning. Individu ini menyerupai spesies Tiong Emas, *Gracula religiosa*, semasa terbang tetapi ia kelihatan lebih kecil manakala tompokan pada bahagian sayap berwarna kuning pudar (kelihatan warna putih pada sesuatu jarak penglihatan). Bagi individu betina dewasa pula, warna kuning pada bahagian kepala terbatas dan kelihatan seperti tompokan. Individu juvenil bagi spesies ini mempunyai keseluruhan bahagian badan yang berwarna coklat dan lebih pudar daripada individu dewasa di mana pada bahagian mahkota kepala, tidak terdapat warna kekuningan manakala jalur di antara bahagian paruh dan mata, bahagian rengkong dan tompokan pada bahagian sayap berwarna putih kekuningan. Pada bahagian bawah badan, terdapat jalur-jalur yang kurang jelas. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 22 hingga 24 sm.

TABURAN

Spesies ini merupakan spesies tempatan di timur laut India, barat daya China (barat daya Yunnan). Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan spesies tempatan yang jarang dijumpai seperti di bahagian tengah selatan Myanmar, Tenasserim, Thailand (kecuali bahagian tengah), Kemboja, Laos, Vietnam (kecuali barat Tonkin). Spesies ini juga direkodkan di bahagian utara ke bahagian barat Semenanjung Malaysia di mana statusnya tidak dikenalpasti.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada serangga serta buah-buahan yang bersaiz kecil dan juga nektar. Sesetengah daripada spesies ini adalah omnivor.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan hutan campuran, kawasan pinggir hutan serta di kawasan yang diluaskan, pada ketinggian sehingga ke 800 m dari aras laut.

LOKASI DI MANA IA PERNAH DITEMUI

Spesies ini kemungkinan boleh dijumpai di bahagian utara dan bahagian barat Semenanjung Malaysia.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi dengan nada yang tinggi di mana bunyi yang dikeluarkan adalah lebih tinggi berbanding spesies Tiong Emas, *Gracula religiosa*, termasuklah bunyi seperti bunyi loceng. .

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan April hingga Ogos di mana sarang dibina pada lubang pokok pada ketinggian di antara 6 hingga 15 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 3 hingga 4 biji, berwarna biru ke warna hijau serta terdapat tompokan berwarna coklat (selalunya kelihatan pada bahagian hujung telur). Telur ini mempunyai ukuran di antara 24.8-28.8 X 19.8-21 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.